



BAHAGIAN KESELAMATAN TAPAK BINA
JABATAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN

Pelan Strategik KKP 2018-2020: Industri Pembinaan

Tapak Selamat Bil. 3/2018



Kata alu-aluan TKP (Keselamatan Pekerjaan)



Kemalangan pekerjaan boleh menyebabkan kecederaan dan kematian pekerja, mengakibatkan kesukaran dan kesedihan kepada keluarga, mencemarkan reputasi syarikat dan menyebabkan kerugian kepada perniagaan.

Tiada seorang pun yang mahu perkara ini berlaku kepadanya, keluarganya atau pengusahaannya. Oleh itu, adalah mustahak setiap majikan dan pekerja (termasuklah pengarah syarikat) memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kemalangan dicegah.

Tempat kerja yang bebas kemalangan dapat menghasilkan keuntungan yang maksima, selain menjaga nama negara sebagai destinasi utama warganegara asing untuk mencari pekerjaan.

Secara teori, peringkat reka bentuk mempunyai pengaruh yang besar terhadap keselamatan pekerja pembinaan dan pekerja penyenggaraan.

Bahaya tidak wujud dengan sendiri tetapi terbit daripada proses reka bentuk. Oleh itu, semua majikan yang terlibat di dalam setiap proses ini mempunyai kuasa, pengaruh dan peluang untuk menghapuskan banyak bahaya sebelum ianya wujud di tapak pembinaan. Inilah matlamat Garis Panduan OSHCIM.

Garis Panduan ini memberi peluang kepada majikan seperti klien, pereka dan pembina di dalam projek pembinaan untuk menghapuskan bahaya berkaitan proses pembinaan sebelum kerja bermula di tapak.

Klien dan pereka digalakkan untuk mengurangkan atau mengawal kemungkinan bahaya yang akan wujud semasa penyenggaraan, penggunaan dan perobohan struktur. Inilah intipati kepada rekaan yang baik dan selamat!

YBns. In. Zailee Bin Dolah

Profail Ringkas KKP Industri Pembinaan


CABARAN 2019

- > **15 ribu** Bil. Tapak Aktif
- > **75 ribu** Kontraktor
- 101** Pegawai SKB

PENCAPAIAN 2018

- 10,733** Bil. Pemeriksaan
- 4** Operasi Tapak Bina
- 4,215** Notis Perbaikan
- 5,077** Notis Larangan
- RM1,913,900** Denda


Perbandingan Trend Kadar Kematian Pekerja Pembinaan 2012 - 2017



Bil. Pekerja 2017

1.25j

Kadar Kematian Pekerja
Pembinaan
per 100,000 pekerja
Perbandingan



() Kadar kematian keseluruhan industri 2016/17

Pengenalan

Prinsip OSHCIM bakal menjadi tulang belakang kepada perundangan KKP di industri pembinaan. Seperti di UK dan Singapura, peraturan berkaitan prinsip OSHCIM akan diperkenal, sekali gus menjadikan pematuhan kepada prinsip ini mandatori.

JKKP melalui Bahagian Keselamatan Tapak Bina (BKTB) membuat satu inisiatif dengan membangunkan satu pelan strategik untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja di projek pembinaan. Pelan strategik yang diperkenalkan sejak tahun 2017 diteruskan kesinambungannya dengan memfokuskan kepada tiga tumpuan utama.



The background is a whiteboard filled with hand-drawn business diagrams. At the top, there's a box labeled 'IM POSSIBLE' with arrows pointing to 'INTERNET', 'MONEY', and 'GRAPH'. 'INTERNET' is connected to a smartphone icon. 'MONEY' is connected to a car icon. 'GRAPH' is connected to a bar chart and two pie charts. A line graph on the right shows an upward trend. A man's head is visible on the right side, looking at the board. In the foreground, a dark green semi-transparent oval contains the text 'Apa yang JKPP telah lakukan pada 2018'. Other visible text includes 'PLAN', 'SUCCESS!', 'Today:', 'BUSINESS PLAN', and 'WORK'.

Apa yang JKPP telah lakukan
pada 2018

1. Mempromosikan Budaya Pencegahan Melalui Prinsip-prinsip OSHCIM



Kerjasama

Melibatkan agensi kerajaan dan persatuan bagi menggalakkan pemilikan (*ownership*) pengurusan KKP yang berkesan melalui: kajian kes; panduan dan nasihat; kepemimpinan; dan program-program kerjasama dan jangkauan (*outreach*)

Bengkel & Seminar


Memastikan prinsip-prinsip OSHCIM difahami dan pendekatan yang berkadaran diambil ke arah pematuhan melalui kerjasama dengan klien, pereka dan pembina

Penglibatan

Melibatkan badan profesional dan pusat pengajian tinggi bagi mempertingkatkan pengetahuan berkenaan prinsip-prinsip OSHCIM

2. Mencegah Dan Mengurangkan Bahaya-bahaya Projek Pembinaan

a. Menumpukan tindakan perundangan ke atas pembina yang gagal mengurus dan mengawal risiko-risiko pekerjaan



c. Melibatkan pihak berkepentingan, memberi pengetahuan dan kesedaran berkenaan risiko KKP



b. Menggalakkan *self-assessment*

- 
Laporan Prestasi SHO
 Menggalakkan pegisian Laporan Petunjuk Prestasi SHO
- 
Panduan Pemeriksaan Bahaya
 Menggalakkan penggunaan 5 panduan pemeriksaan bahaya
- 
Senarai Semak OSHCIM
 Membangunkan senarai semak Gap Analisis OSHCIM



3. Memaksimalkan Keberkesanan Dan Kecekapan Penguatkuasaan KKP

a. Menambahbaik pengumpulan maklumat (intelligence), analisis, sasaran, kebolehan pengukuran prestasi, kebolehgunaan (usability) dan kebergunaan (usefulness) sumber-sumber teknologi maklumat KKP



b. Membangunkan gabungan terbaik tindakan perundangan yang mengandungi maklumat, amaran dan kelengkapan yang dapat membantu pematuhan



Membantu pegawai menguatkuasakan notis larangan dengan lebih berkesan.



Merakamkan bukti-bukti pelanggaran undang-undang dan praktik industri terbaik untuk dicontohi.



Melengkapkan pegawai dengan teknologi pemeriksaan terkini.



c. Memastikan perundangan dan panduan adalah berkesan, meliputi isu-isu semasa dan mencerminkan praktik-praktik terbaik yang mempromosikan budaya pencegahan

A man in a dark suit is seen from the back, pointing at a whiteboard. The whiteboard is covered in various hand-drawn business and technology icons, including a pie chart, a line graph, a bar chart, a lightbulb, a stack of money, a network diagram, a car, a laptop, a cloud, and a monitor. The text 'Apa yang JKPP akan lakukan pada tahun 2019' is overlaid on a green circular background in the center of the image.

Apa yang JKPP akan lakukan
pada tahun 2019

Fokus 2019



Dikatakan, kesilapan berjuta ringgit bermula dari peringkat awal proses reka bentuk dan keputusan yang dibuat semasa contengan reka bentuk bangunan. Apa yang klien inginkan dan apa pula yang dia sanggup berikan bagi mencapai keinginannya, mempunyai impak yang besar kepada keselamatan pekerja pembinaan dan pekerja penyenggaraan.

Dengan berpegang teguh kepada prinsip asas KKP iaitu orang yang mewujudkan risiko adalah yang terbaik untuk mengawalinya, Pelan Strategik ini dirangka bagi meningkatkan kesedaran pemain industri, terutamanya klien dan pereka tentang pemilikan risiko dan tanggungjawab mereka untuk mengawal risiko yang terbit dari pengusahaannya.

Bertitik tolak daripada kejayaan yang dicapai pada tahun 2018, usaha akan terus digembleng untuk memastikan klien, pereka dan pembina memahami tanggungjawab masing-masing di dalam kerangka prinsip OSHCIM.

Pada tahun 2019, JKPP akan terus mempergiat usaha untuk menerangkan kepentingan prinsip OSHCIM dalam pengurusan risiko KKP di dalam projek pembinaan. Tindakan JKPP boleh dikelaskan kepada 4 aktiviti utama iaitu:

- a. menyediakan maklumat, panduan dan nasihat;
- b. meningkatkan kesedaran menggunakan pengaruh dan penglibatan;
- c. menjalankan pemeriksaan bersasar; dan
- d. membuat tindakan punitif untuk mencegah bahaya.

Prinsip OSHCIM akan menjadi batu loncatan kepada pencapaian objektif untuk menurunkan kadar kemalangan dan kematian di industri pembinaan. Kejayaan sistem peraturan sendiri banyak bergantung kepada penerimaan, kemahiran dan pengetahuan pihak yang akan menggalas kewajipan ini. Oleh itu, pelaksanaan projek rintis OSHCIM, dan aktiviti promosi seperti seminar dan latihan kepada klien, pereka dan pembina akan menjadi pemangkin kepada perubahan lanskap KKP industri pembinaan.



BAHAGIAN KESELAMATAN TAPAK BINA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN



+603 8886 6453



mfairuz@mohr.gov.my



<http://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety/introduction>